

**DR. BURHANUDDIN AL-HELMI: PANDANGAN SARJANAWAN TEMPATAN
TERHADAP PEMIKIRAN DAN PERJUANGANNYA**

***DR. BURHANUDDIN AL-HELMI: A STUDY OF LOCAL SCHOLARS' VIEW OF
HIS THOUGHTS AND STRUGGLES***

Mohamad Muzammil Mohamad Noor*

**Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ),
Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia**

Abstrak

Makalah ini membincangkan tentang penulisan sarjanawan Malaysia berkenaan penglibatan dan pemikiran Dr. Burhanuddin al-Helmi. Beliau merupakan antara tokoh politik dan pemikir yang dikenali pada zaman penjajahan mahupun selepas merdeka. Sebagai pejuang nasionalisme Melayu yang 'berhaluan kiri sederhana', beliau tidak bekerjasama dengan pihak British dalam menuntut kemerdekaan negara. Penulisan berkenaan pemikiran dan perjuangan Dr. Burhanuddin kerap kali ditulis oleh para sejarawan dan penulis bidang politik tanah air. Penulisan ini hanya menggunakan kaedah melalui sumber karya yang diulas dan ditulis dalam kalangan mereka. Kebanyakan ulasan karya yang ditemui ialah hanya mengkaji secara akademik dan juga bacaan umum tentang beliau. Penulisan tentang perjuangan beliau dalam politik turut mendapat perhatian oleh para ahli akademik terutamanya Ramlah Adam, Saliha Haji Hassan dan Ismail Said. Begitu juga, penulisan tentang pemikiran politik Dr. Burhanuddin turut mendapat perhatian dalam kalangan penulis daripada bekas ahli PAS sendiri seperti Saari Sungib dan Kamaruddin Jaafar. Sehubungan itu, penulisan ini dilakukan bagi mengenalpasti pendapat dan pandangan mereka terhadap pemikiran dan perjuangan Dr. Burhanuddin dalam kegiatan politik-agama dan nasionalisme bangsa Melayu bagi melawan penjajah. Ada dalam kalangan sarjanawan tersebut yang berfikir berat sebelah terhadap perjuangannya. Oleh itu, dalam penulisan ini akan merungkaikan pandangan positif dan negatif terhadap Dr. Burhanuddin al-Helmi.

Kata kunci: Dr. Burhanuddin al-Helmi, Pejuang Nasionalisme Melayu, Pemikiran Politik, PAS, Kolonial British

Abstract

This article discusses Malaysian scholars' views on Dr. Burhanuddin al-Helmi's thoughts and activism. He was one of the prominent political figure and thinker since colonial times and after independence. As a Malay nationalism activist who was moderately 'leftist', he did not cooperate with the British in pursuit of the country's independence. Research on Dr. Burhanuddin's thoughts and struggles are often penned by local historians and political writers, and these research only utilised sources that were written and reviewed by scholars within their circle. Most of the article reviews found were done by way of academic study of and general reading on Dr. Burhanuddin, especially Ramlah Adam, Saliha Haji Hassan and Ismail Said. While Dr. Burhanuddin's political thoughts also caught the interest of writers within from the former PAS members such as Saari Sungib and Kamaruddin Jaafar. Hence, this article attempts to

identify the views of these scholars on Dr. Burhanuddin's thoughts and struggles in secular politics and Malay nationalism in order to rise up against the colonisers. Some scholars displayed a biasness towards his struggles. Hence, this article will unravel the positive and negative views on Dr. Burhanuddin al-Helmi.

Keywords: Dr. Burhanuddin al-Helmi, Malay Nationalism Activist, Political Thinking, PAS, Colonial British

Pendahuluan

Dr. Burhanuddin al-Helmi merupakan antara nasionalis Melayu, ahli politik dan pemikir Islam yang dikenali pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu mahupun selepas merdeka. Anak kelahiran Taiping, Perak ini adalah pejuang nasionalisme yang anti penjajahan dan kerana itulah beliau dikatakan sebagai pejuang haluan kiri sederhana yang menginginkan Tanah Melayu bebas merdeka daripadacengkaman kolonial British. Sebagai tokoh pembaharuan dalam pendidikan berteraskan Islam dan sosiopolitik Islam, beliau berusaha mengubah minda masyarakat Melayu melalui pidato, penulisan dan pertubuhan sosiopolitik supaya bangsanya bangkit merubah cara hidup bagi membentuk masyarakat yang moden dan dinamis. Beliau yakin dengan cara ini sahajalah masyarakat Melayu berani menentang British keluar dari Tanah Melayu. Namun begitu, perjalanan politik dan perjuangan semangat kebangsaan beliau cukup panjang dan penuh berliku sehingga pernah dituduh sebagai pengikut fahaman komunis atau fahaman sosialis dan bekerjasama dengan tentera Jepun semasa zaman pendudukan Jepun. Hal ini berlaku disebabkan beliau adalah pejuang berhaluan kiri yang langsung tidak bekerjasama dengan penjajah dan pemimpin daripada parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang ketika itu berkompromi dengan British dalam membincangkan kemerdekaan tanah air. Walau bagaimanapun, sukar untuk menerima pendapat yang menyatakan beliau seorang pengikut fahaman komunis mahupun berpemikiran sosialis sedangkan Dr. Burhanuddin adalah individu yang menerima didikan agama yang teguh daripada ayahnya yang bergelar guru agama dan mempercayai adanya Tuhan sedangkan fahaman komunis membelakangkan kewujudan Maha Pencipta.

Penulisan berkenaan pemikiran dan perjuangan Dr. Burhanuddin acap kali ditulis oleh para sejarawan dan penulis bidang politik serta penulis bebas tanah air. Kebanyakan karya yang ditemui ialah hanya mengkaji secara akademik dan juga bacaan umum tentang beliau terutama berfokus kepada perjuangan kemerdekaan, pemikiran politik, pemikiran keagamaan dan dakwah serta suka duka beliau mempengaruhi masyarakat silam membenci penjajah iaitu British. Turut ditemui ialah penulisan berkenaan beliau bersama tokoh politik lain iaitu bekas Perdana Menteri Indonesia, Muhammad Natsir yang mengkaji berkaitan pemikiran dan perjuangan mereka secara perbandingan.¹ Sepanjang pemerhatian, penulisan tentang Dr. Burhanuddin kebanyakannya dikaji dan ditulis oleh mahasiswa universiti di peringkat ijazah pertama yang menumpukan pemikiran Islam dan dakwah beliau. Di peringkat ini, mahasiswa universiti menulis tentang peranan Dr. Burhanuddin al-Helmi dalam politik, dakwah dan kepimpinan, namun ada di antara penulisan tersebut dapat dikesan beberapa kelemahan seperti kekurangan sumber, kesalahan akademik, mengkaji dan menulis dalam ruang lingkup

yang sama di antara satu sama lain sehingga dapat dikesan unsur plagiaterisme dalam kalangan mereka.² Selain itu, turut dikesan penulisan mereka tidak menggunakan sumber-sumber pertama sebagai rujukan utama. Penulisan tentang perjuangan beliau dalam politik juga turut mendapat perhatian para ahli akademik terutama Ramlah Adam, Saliha Haji Hassan, Kamaruddin Jaafar dan yang terbaharu ditulis oleh Ismail Said serta Mohamad Muzammil Mohamad Noor. Begitu juga, penulisan Dr. Burhanuddin turut mendapat perhatian dalam kalangan penulis daripada ahli Parti Islam Se-Tanah Melayu/Malaysia (PAS) sendiri dan bekas ahlinya, Saari Sungib, selain Kamaruddin Jaafar, hal ini adalah kerana Dr. Burhanuddin pernah memegang jawatan tertinggi PAS mulai tahun 1956.

Latar Belakang Dr. Burhanuddin Al-Helmi

Nama asal Dr. Burhanuddin al-Helmi ialah Burhanuddin bin Muhammad Nor, yang dilahirkan pada 29 Ogos 1911 di Changkat Tualang, Mukim Kota Bharu, Taiping, Perak. Ayahnya bernama Haji Muhammad Nor bin Kasim dan ibunya dikenali sebagai Sharifah Zahrah binti Habib Osman. Beliau dikatakan berketurunan 'Melayu Jati'³ Minangkabau di sebelah ayahnya dan Arab adalah daripada darah keturunan ibunya. Sebelum berhijrah ke Tanah Melayu, ayahnya aktif berjuang menentang penjajah Belanda di Sumatera Barat. Sesudah sampai di Tanah Melayu, ayahnya memulakan kehidupan sebagai perantau di Kampung Changkat Tualang yang terletak di sebelah utara Perak.

Setelah ibu bapanya memulakan sebuah kehidupan berkeluarga, pasangan tersebut telah memperolehi Dr. Burhanuddin sebagai anak sulung dan anak-anak yang lain ialah Abdul Halim, Bahrin, Sayuti, Takyah, Zaleha, Suffian, Sahar dan Noorbait. Dalam kalangan ahli keluarga dan rakan sahabatnya di kampung menggelarkan beliau dengan nama 'Borhan' atau 'Yop' sahaja. Gelaran lain yang digunakan untuk membahaskan dirinya ialah 'Pak Doktor', 'Doktor Politik' dan juga 'Doktor Ugama' iaitu semasa beliau terlibat dalam kegiatan politik-agama dan dalam masa yang sama mengamalkan ilmu perubatan homeopati.

Sebelum Dr. Burhanuddin menerima pendidikan Melayu di Sungai Dera, Tanjung Malim pada tahun 1922, beliau menerima didikan dengan ilmu pengetahuan agama Islam oleh ayahnya yang menjadi guru agama di kampung setelah berhijrah ke situ. Seterusnya beliau berpindah pula ke sebuah sekolah Melayu di Behrang Ulu, di Bakap dan Kota Bharu di Perak kerana mengikut ayahnya yang menjadi guru agama sehinggalah beliau tamat darjah lima. Menurut keterangan adiknya, Noorbait, abangnya itu seorang yang cerdik, terang hatinya, kuat bekerja dan rajin serta tekun melakukan sesuatu pekerjaan.⁴ Sebagai seorang yang terang hati dan rajin, beliau tentulah amat berminat dalam bidang-bidang keilmuan terutama hal-hal agama, politik, falsafah dan perubatan serta kesihatan. Pada akhir tahun 1925, Dr. Burhanuddin bersama-sama adiknya, Abdul Halim dibawa ayah mereka ke kampung asal keluarganya di Minangkabau, Propinsi Sumatera Barat. Beliau bersama adiknya itu mempelajari ilmu-ilmu agama Islam selama kira-kira enam bulan di sebuah sekolah agama yang terletak di Sungai Jambu, Batu Sangkar, Sumatera Barat. Selepas tempoh tersebut di situ, beliau menyambung belajar di sebuah lagi sekolah pondok di Kampung Pisang, Jitra, Kedah dalam tahun 1927. Namun begitu, tempoh

pengajiannya hanya setakat satu bulan sahaja disebabkan desakan Dr. Burhanuddin yang mahu meneruskan pembelajarannya di sekolah yang lebih moden dan sistematik iaitu di Madrasah al-Mashor al-Islamiyyah, yang terletak di Pulau Pinang. Di madrasah tersebut, Dr. Burhanuddin terpengaruh dengan pemikiran politik dan sifat-sifat keperibadian Sheikh Abu Bakar al-Rafie yang juga seorang mudir madrasah, di samping Haji. Arshad al-Bawayih iaitu seorang ahli tatabahasa bahasa Arab dan pengikut ‘Kaum Muda’ serta seorang lagi, Ashiran Yaacob iaitu penulis dan tokoh yang memperjuangkan nasib politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu pada masa silam.

Selepas mendalami ilmu di pelbagai tempat termasuk di Madrasah al-Mashor al-Islamiyyah, Dr. Burhanuddin berangkat ke Universiti Islam Aligarh, India pada awal tahun 1934 bagi mendalami ilmu-ilmu persuratan dalam bidang sastera dan falsafah. Selepas Dr. Burhanuddin kembali ke tanah air dan tanpa membuang masa beliau menjadi guru bahasa Arab di Sekolah Arab Al-Juned, Singapura. Kemudian, Dr. Burhanuddin memperluaskan lagi cabang ilmu lain dengan mempelajari ilmu-ilmu dalam perubatan homeopati⁵ daripada Profesor Dr. Rajah yang ketika itu berada di Singapura bagi mempraktikkan ilmu perubatan tersebut. Seterusnya beliau mendalami lagi ilmu tersebut di Kolej Perubatan Ismaeliah yang berpusat di Hyderabad, India bagi mendapat sijil profesional dalam peringkat ijazah. Dengan kelayakan ini, beliau telah membuka sebuah klinik homeopati di Johor Bahru pada tahun 1937 dan sebuah lagi klinik homeopati di Jalan Picitan, Singapura.⁶

Dr. Burhanuddin Al-Helmi meninggal dunia kira-kira pukul 6.50 minit pagi, pada 25 Oktober 1969⁷ disisi isterinya, Suri binti Yahya di rumahnya di Taiping selepas sebulan dibebaskan daripada tahanan politik iaitu *Internal Security Act* (I.S.A.) berpunca daripada serangan penyakit lelah serta mempunyai penyakit batu karang.⁸ Beliau mengalami keuzuran berpanjangan semasa menjalani tahanan tersebut dan sering dimasukkan wad di Hospital Daerah Taiping bagi menerima rawatan penyakitnya itu, namun tidak dapat disembuhkan ‘akibat keadaan bilik tahanan yang agak kurang selesa’.

Penulisan Tentang Pemikiran dan Perjuangan Dr. Burhanuddin Al-Helmi

Penulisan tentang perjuangan Dr. Burhanuddin mula mendapat perhatian oleh Ramlah Adam. Beliau memberi pandangan tentang penglibatan politik Dr. Burhanuddin sebagai pejuang nasionalisme Melayu berhaluan kiri melalui penulisannya bertajuk *Burhanuddin Al-Helmy Suatu Kemelut Politik*. Dalam penulisannya itu, Ramlah hanya menulis berkaitan sejarah biografi Dr. Burhanuddin dengan memaparkan suka duka perjalanan hidup tokoh Melayu tersebut sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 1969. Antara yang disentuhnya ialah perjuangan menuntut kemerdekaan penuh Tanah Melayu bersama Indonesia, kepimpinan Dr. Burhanuddin dalam parti-parti yang diceburinya iaitu Kesatuan Melayu Muda (KMM), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan PAS, selain kemelut dalam parti, liku-liku kehidupan dalam tahanan politik serta sifat-sifat keperibadiannya.⁹ Menurut Ramlah, jika dilihat dari segi personaliti dan keterampilan beliau pula ketika terlibat dalam parti politik, Dr. Burhanuddin dikenali sebagai seorang yang tidak bersifat garang dan ‘autokratik’. Menurut Ramlah lagi, di atas sebab inilah yang mengurangkan kemampuannya untuk mengambil alih kepimpinan yang

ditinggalkan oleh Ibrahim Haji Yaakob.¹⁰ Namun begitu, pendapat Ramlah boleh disangkal kerana atas sifat-sifat positif yang ada dalam diri Dr. Burhanuddin memberi kepercayaan kepada Ibrahim untuk memimpin sebuah parti politik Melayu. Kepercayaan tersebut memberi ruang dan juga peluang kepada Dr. Burhanuddin menjadi tokoh penting serta pengalaman yang berguna terutama dalam Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) mahupun PKMM. Kepercayaan itu juga boleh dianggap sebagai pelapis pemimpin radikal Melayu selepas Ibrahim melarikan diri ke Indonesia.

Walaupun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam bukunya itu, iaitu Ramlah tidak menyentuh secara terang-terangan idea atau pemikiran Dr. Burhanuddin berkaitan perjuangannya dan aktiviti dalam politik sepanjang terlibat sebagai pejuang bangsa. Penulisan Ramlah seolah-olah bersikap ‘berat sebelah’ semasa memperihalkan kemelut yang terjadi dalam perjuangan Dr. Burhanuddin. Hal ini terjadi mungkin kerana corak penulisan beliau banyak bersumberkan fail-fail kerajaan British dan UMNO yang mengaitkan penglibatan Dr. Burhanuddin tanpa kurang merujuk sumber peribadi dan fail-fail PAS sendiri serta orang perseorangan yang rapat dengan Dr. Burhanuddin terutama ahli keluarganya. Dalam tulisannya itu, Ramlah memberi pengadilan moral yang Dr. Burhanuddin adalah tokoh Melayu berhaluan kiri dan menemui kegagalan dalam perjuangannya tanpa menyebut sebab-sebab perjuangan tokoh itu menemui kebuntuan. Andai diteliti fail-fail PAS serta tulisan peribadi Dr. Burhanuddin iaitu ‘Hal tahanan’, 1965¹¹ dan *Hari-hari Aku Dizalimi: Catatan Penahanan ISA*¹², jelas menerangkan sebab-sebab kegagalan tokoh itu ialah tindak tanduk dan perancangan pihak penjajah dan kerajaan yang cuba ‘membunuh’ kerjaya politiknya dan akhirnya berjaya dilakukan.¹³ Oleh itu, pandangan Ramlah terhadap perjuangan dan pemikiran Dr. Burhanuddin ternyata berbeza dengan pandangan yang dikaji dan dikaryakan oleh Mohamad Muzammil Mohamad Noor.

Dalam tulisan-tulisannya yang lain, Ramlah mengecilkan skop penulisan dalam bentuk artikel yang bertemakan kegiatan politik dan perjuangan dalam parti, iaitu “Kebangsaan Melayu: Interpretasi Dr. Burhanuddin Al-Helmy Sebagai Ahli Parlimen, 1959-1963”¹⁴, “Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Kajian Mengenai Kegiatannya Dalam PKMM 1946-1948”¹⁵, serta “Kepimpinan Melayu 1945-1957”¹⁶ tetapi masih menganggap Dr. Burhanuddin sebagai golongan haluan kiri dan agak radikal hingga mengganggu gugat pentadbiran British di Tanah Melayu. Hal ini adalah kerana idea-idea dan pemikiran yang dibawa oleh Dr. Burhanuddin dalam usaha mengangkat maruah masyarakat Melayu, politik Melayu dan agama Islam dalam perjuangan kebangsaan memberi ruang dalam penulisan Ramlah untuk menyatakan bahawa tokoh nasionalisme Melayu ini membawa idea pemimpin kebangsaan Melayu yang ‘agak keras’ perjuangannya bersama-sama dengan Ahmad Boestamam¹⁷, Ibrahim Haji Yaakob¹⁸ dan Ishak Haji Muhammad atau lebih dikenali sebagai Pak Sako.¹⁹ Tuduhan sebagai ‘radikal Melayu’ ini dianggap sebagai satu bentuk ancaman kepada kerajaan British di Tanah Melayu dan menaikkan semangat bangsa Melayu bangkit menentang penjajah tersebut dan parti yang bekerjasama dengan mereka terutama UMNO.

Sebuah penulisan yang agak ringkas yang bertajuk “Dr. Burhanuddin al Helmi: A Political Biography” telah diusahakan oleh Saliha Haji Hassan yang menghidangkan satu gambaran umum tentang peranan tokoh tersebut dalam konteks yang lebih khusus dalam kehidupan dan perjuangannya melalui kegiatan politik dan kepimpinan dalam parti yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin.²⁰ Namun demikian, penulisan itu adalah projek akhir pengajian beliau pada peringkat ijazah asas dan sudah pastilah agak longgar dan tidak menyentuh pemikiran Dr. Burhanuddin secara mendalam dan juga tidak menyentuh pandangannya secara akademik terhadap tokoh Melayu itu. Dengan kata lain, penulisan beliau agak ‘ringan’ sahaja dan masih ada lompong-lompong yang perlu ditambah dengan lebih mendalam lagi. Satu lagi tulisan beliau yang bertajuk “Dr. Burhanuddin Al-Helmi 1911-1969”²¹, turut memaparkan tulisan ringkas sejarah biografi Dr. Burhanuddin yang diambil dari latihan ilmiahnya dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan tiada penemuan baharu yang ditemui bagi menambahbaik tulisannya yang terdahulu. Begitu juga artikel-artikelnya yang lain iaitu “Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi: Cita-cita Seorang Nasionalis Melayu”²² dan juga “Dr. Burhanuddin al-Helmy: The Ideals of A Malay Nationalist”²³ masih mengekalkan isi atau isu yang serupa dengan menitikberatkan tokoh tersebut sebagai seorang ‘pejuang Melayu’ sahaja, dengan hasrat menghalau British keluar dari Tanah Melayu. Dengan kata lain, penulis ini juga tidak mengkaji dan menulis pemikiran dan perjuangan Dr. Burhanuddin secara mendalam dalam usaha menuntut kemerdekaan atau terlibat dalam kancah politik tanah air sebelum dan selepas merdeka. Namun begitu, Saliha menginterpretasikan Dr. Burhanuddin sebagai seorang nasionalis Melayu yang terang-terangan membenci penjajah Barat yang menjajah tanah airnya. Walaupun Dr. Burhanuddin bersikap sedemikian, tetapi beliau tidak menggemari perjuangan politiknya mempunyai ‘unsur-unsur kekerasan’ dan adanya pertumpahan darah. Tambah Saliha lagi, dengan sebab itulah juga Dr. Burhanuddin tidak menolak perjuangan orang Melayu yang ada kalanya diperlukan secara kekerasan apabila terlalu tertekan dan terhimpit yang boleh mencabar keupayaan mereka.²⁴

Seterusnya, seorang bekas ahli PAS, Saari Sungip, antara yang menulis berkaitan perjuangan Dr. Burhanuddin melalui bukunya yang diterbitkan oleh PAS sendiri bertajuk “5 Tokoh Gerakan Islam di Malaysia” menganggap Dr. Burhanuddin sebagai seorang tokoh Islam yang berpengaruh pada zaman penjajahan. Menurut Saari, Dr. Burhanuddin menggunakan ‘kekuatan idea’ bagi menggerakkan perjuangannya dalam hal ehwal politik-agama dengan usaha mempengaruhi bangsa Melayu untuk melawan pihak British dan pihak lain yang berkompromi dengan penjajah demi memerdekakan Tanah Melayu. Dengan pendidikan agama yang kukuh dan semangat nasionalisme yang tinggi, Dr. Burhanuddin bercita-cita besar membentuk sebuah negara Islam melalui Parti PAS yang dipimpinnya dengan menyerapkan Undang-undang Syariah atau Hukum Hudud dalam pentadbiran.²⁵ Selain tulisannya itu, Saari turut mengedit karya yang ditulis sendiri oleh Dr. Burhanuddin yang bertajuk *Hari-hari Aku Dizalimi: Catatan Penahanan ISA* pada tahun 2006 yang mencatatkan pengalaman perit beliau semasa dipenjarakan di Pusat Tahanan Taiping melalui tulisan tangannya sendiri.

Sebuah majalah bacaan umum, *Dewan Masyarakat* keluaran tahun 1969 dan 1975 telah memaparkan himpunan kisah suka duka Dr. Burhanuddin dalam perjuangan memartabatkan bangsa dan politik Melayu tanah air pada zaman British dan penjajahan Jepun secara bersiri. Antara penulis yang menyumbangkan karya mereka ialah, Abdullah Hussein, “Dr. Burhanuddin – Pelupur Kebangkitan Semangat Kebangsaan”²⁶; Amir Tan, “Almarhum Dr. Burhanuddin Nasionalis Yang Tak Mengenal Kalah”²⁷; dan Rashidah Ismail, “Dr. Burhanuddin al-Helmy Anak Melayu Pertama Mempelajari Homeopati”²⁸. Setiap tulisan tersebut mempunyai tema-tema tertentu mengenai Dr. Burhanuddin seperti biografi, penglibatan dalam politik, pemikiran dan kegiatan dalam perubatan homeopati tetapi hanyalah sesuai untuk bacaan umum dan agak ringan kajian dan tulisannya serta banyak mengisahkan rentetan sejarah riwayat Dr. Burhanuddin. Namun begitu, masih tiada yang cuba membuat persamaan dan perbezaan pemikiran dan perjuangan Dr. Burhanuddin dengan pejuang bangsa Melayu yang lain, misalnya Ahmad Boestamam, Ibrahim Haji Yaacob mahupun Pak Sako. Walau bagaimanapun, ada satu penulisan yang mendapat perhatian ialah yang ditulis oleh Rashidah Ismail yang memaparkan penglibatan Dr. Burhanuddin dalam pengamalan ilmu perubatan homeopati tanpa menyentuh langsung tokoh itu dalam kegiatan politik dan nasionalisme tanah air. Seterusnya, tulisan-tulisan lain berkenaan tokoh tersebut yang turut dipaparkan dalam media massa dan kurang ‘bermotifkan’ akademik ialah Badrul Munir, “Mengenang Kembali Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Tuduhan Palsu Kerajaan Perikatan”²⁹ dan Shukran Jamel Zain yang mengarang tajuk, “Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Perjuangan Terus Hidup”³⁰ yang masih mengutarakan kisah hidup Dr. Burhanuddin.

Menurut seorang pejuang Melayu berhaluan kiri dalam PKMM yang pernah dipenjarakan di bawah Undang-undang Darurat selama tujuh tahun, Abdul Majid Salleh dalam buku memoirnya, *Memoir Abdul Majid Salleh Dalam PKMM dan Kesatuan Buruh*, Dr. Burhanuddin turut dikatakan seorang Melayu yang menunjukkan kepintarannya apabila mampu menguasai pelbagai bahasa dan dialek atau loghat daerah terutama bahasa Melayu dan bahasa Arab. Sebagai seorang ahli tafsir al-Quran dan al-Hadis, semestinya Dr. Burhanuddin mampu menguasai pelat bahasa Arab, ‘nahu saraf’³¹ dan segala yang berhubung dengan sastera Arab. Selain itu, tokoh reformis Islam Melayu ini juga turut menguasai bahasa-bahasa Urdu, Belanda, Inggeris, Perancis, Jerman serta tidak kurangnya bahasa Cina sehingga beliau turut dikatakan mampu menguasai tujuh bahasa yang dipertuturkan dalam dunia.³² Tambah Abdul Majid lagi;³³

.. beliau adalah orang yang pertama dalam PKMM memperkenalkan ayat-ayat al-Quran yang bermaksud, Allah SWT tidak akan mengubah nasib sesuatu umat itu sehinggalah kaum itu mengubah nasib mereka sendiri.”

Sehubungan dengan itu, boleh dikatakan dari sifat keperibadiannya memberi persepsi yang berbeza-beza pandangan sarjanawan terhadap dirinya. Menurut pandangan Mohamad Muzammil dalam penulisannya tesisnya, beliau seorang yang bersungguh-sungguh mengerjakan kewajiban-kewajibannya sebagai seorang Islam, banyak berfikir dan kerap mengalir air mata apabila beliau menginsafi kekerdilan manusia dalam hubungannya dengan Tuhan. Sebagai seorang penganut agama yang setia kepada Allah, Dr. Burhanuddin sering melakukan amalan zikir di samping bermunajad dan bersolat

tahajud pada setiap malam serta sentiasa menginsafi kekerdilan manusia disisi Maha Pencipta-Nya. Oleh hal yang sedemikian, beliau merupakan seorang pengikut kuat sekumpulan ajaran tarekat yang wujud pada zaman penjajahan British iaitu '*Tarekat Na'syabandiah*'.³⁴ Menurut keterangan Ahmad Boestamam pula melalui buku memoirnya yang dikarang sendiri, "Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api", semasa Dr. Burhanuddin menyampaikan ucapan dalam kongres PKMM kedua pada akhir tahun 1945 di Melaka, Ketua Agung PKMM tersebut mengingatkan para pejuang Melayu giat berusaha mencapai matlamat ke atas tanah air dan beliau sempat menyampaikan 'kata-kata irama bersajak' iaitu.³⁵

Di atas robohan kota Melaka,
Kita dirikan jiwa merdeka,
Bersatu padulah segenap baka,
Membela hak keadilan pusaka.

Seorang lagi pejuang nasionalis Melayu anti British yang berjuang satu era dengan Dr. Burhanuddin, Abdullah Hussain juga turut mengulas keperibadian beliau dalam tulisannya yang bertajuk "Dr. Burhanuddin – Pelupur Kebangkitan Semangat Kebangsaan". Melalui tulisannya itu, Abdullah mengongsikan kenangan dan menggambarkan saat-saat manis sesama mereka ketika aktif dalam kegiatan politik dan nasionalisme di tanah air iaitu.³⁶

... walaupun pertama kali berjumpa dengan Dr. Burhanuddin tetapi kita merasakan seperti berjumpa dengan seorang kawan lama. Tujur katanya dan gerak gerinya menarik hati, senyum dan tenungan matanya membuat kita untuk duduk lebih lama mendengar percakapannya. Ia menghadapi kita sebagai seorang bapa yang penuh pengertian atau sebagai seorang guru yang ingin menyampaikan ilmunya seberapa yang dapat. Ia seorang pasifis yang cintakan keamanan, tidak mau menyakiti orang walaupun kadang-kadang terpaksa menerima kesakitan itu. Ia selalu menjauhkan dirinya daripada berbuat salah tetapi dia selalu menjadi korban daripada kesalahan orang lain. Namun demikian ia tidak pernah mengeluh atau menyesali orang itu, ia tidak kenal dengan marah.

Menurut Abdullah lagi, dalam satu hal sahabat seperjuangannya itu agak sensitif dalam perkembangan pendidikannya dan sekelilingnya. Dr. Burhanuddin terdedah kepada persekitaran sosial zaman penjajahan British, dengan sebab itulah beliau mempelajari pelbagai perkara dalam kehidupan seharian dan sekitarnya. Fenomena ini memainkan peranan penting dalam memupuk dan memperteguhkan pendirian peribadinya terutama dalam tindakan atau perlakuan beliau dalam medan perjuangan. Misalnya, semasa beliau dalam alam persekolahan, Dr. Burhanuddin menyedari kekurangan 'pendidikan cara lama' yang tidak memberi manfaat dan membuka minda bangsa. Semasa beliau dihantar belajar oleh ayahnya Haji Muhammad Nor ke Minangkabau dan sebuah madrasah di Kampung Pisang, Jitra Kedah, beliau memerhati dan meneliti metodologi pendidikan yang kurang memberangsangkan minat dan pemikiran beliau. Sistem pendidikan pondok tersebut yang terlalu mementingkan hafalan

semata-mata daripada memahami dan menganalisis tentulah baginya kurang memberikan impak yang tinggi dan tidak mendatangkan faedah. Disebabkan keadaan itu, beliau tidak dapat mengikuti pelajaran hafalan dengan sempurna dan berkesan, malah enggan mengikut suruhan guru-gurunya supaya menghafal pelajaran kerana beliau tidak memahami apa yang diajar sekalipun menghafal mata pelajaran itu.³⁷ Namun demikian, beliau mendesak beberapa kali kepada ayahnya supaya menukarkan beliau ke sekolah yang lebih sistematik pendidikannya dan bukan sekadar hafalan semata-mata. Dalam tahun 1927, permintaannya dapat ditunaikan dan dipindahkan ke Sekolah Al-Mashor al-Islamiyyah, Pulau Pinang. Bagi Abdullah, kesensitifan Dr. Burhanuddin dalam menuntut ilmu amat dititikberatkan kerana beliau seorang anak remaja Melayu yang pintar dan progresif lebih-lebih lagi dalam zaman kolonial.

Bagi ahli politik tempatan, pengkaji dan penulis sejarah lain, mereka memberi pendapat masing-masing bahawa Dr. Burhanuddin adalah tokoh bangsa silam yang sepatutnya disanjung tinggi dan seterusnya diangkat sebagai wira bangsa Melayu. Antara penulis tersebut ialah Ahmad Boestamam dalam bukunya *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*, Kamaruddin Jaffar yang melakar kisah nasionalis tersebut dalam bukunya, *Burhanuddin al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*; selain itu, W. Mohd Azam Mohd Amin dalam karyanya bertajuk, *Antara 'asabiyyah Dan Nasionalisme: Menurut Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmy* dan Ismail Said dalam penulisannya, *Dr. Burhanuddin Al-Helmi Pejuang Melayu Sejati* terbitan Karisma Publications. Penulisan mereka ini agak bertentangan dengan pendapat yang diutarakan oleh Ramlah. Ramlah tidak menyatakan yang Dr. Burhanuddin sebagai pejuang negara yang harus disanjung tinggi, tetapi sebagai hanya seorang pemimpin sayap kiri yang terdapat dalam lipatan sejarah negara serta sentiasa diperhatikan oleh pihak penjajah dan akhirnya menemui kegagalan dalam kegiatan politiknya setelah ditahan di dalam penjara oleh Kerajaan Perikatan semasa zaman Tunku Abdul Rahman. Hal ini adalah kerana Dr. Burhanuddin bukanlah pemimpin Melayu yang berhaluan kanan dalam UMNO yang bekerjasama dengan pihak British bagi mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Seperti penulisan Saliha, Ahmad Boestamam turut memaparkan perjuangan dan aktiviti politik Dr. Burhanuddin serta mengutarakan beberapa bentuk pemikiran beliau secara sepintas lalu dalam karya beliau yang bertajuk '*Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*'.³⁸ Namun, apa yang istimewanya ialah Ahmad Boestamam hidup sezaman dengan Dr. Burhanuddin dan mereka adalah rakan seperjuangan serta tokoh pejuang Melayu berhaluan kiri iaitu tidak sama sekali akan berkompromi dengan penjajah British dalam usaha membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah tersebut. Oleh hal yang demikian, karya Ahmad Boestamam dalam tulisannya itu merupakan pengongsian pengalaman perjuangan mereka berdua dalam arena politik zaman penjajahan dan nasionalisme Melayu. Buku ini tidak membicarakan secara mendalam pemikiran Dr. Burhanuddin tetapi Ahmad Boestamam mampu merakamkan kembali kegiatan politik, perjuangan nasionalisme dan yang penting memaparkan sifat-sifat keperibadian yang dimiliki Dr. Burhanuddin. Sebagai sahabat seperjuangannya, Ahmad Boestamam mencatatkan beliau sebagai seorang yang lurus, jujur dan tidak pernah menganggap pandangan negatif terhadap orang lain sekalipun musuh politiknya, apatah lagi jika seseorang itu telah diperkenalkan sebagai seorang yang seperjuangan dengan

matlamat dan pendirian politik Dr. Burhanuddin. Ahmad Boestamam menjelaskan bahawa kejujuran ini dilihat sebagai suatu kelemahan yang ada pada Dr. Burhanuddin. Penjelasan selanjutnya daripada Ahmad Boestamam:³⁹

... suatu kelemahan Dr. Burhanuddin, jika ini boleh dikatakan kelemahan, ialah lurus dan jujur. Kalau ada orang datang kepadanya dan mengatakan bahawa dia ingin masuk menjadi anggota PKMM (Parti Kesatuan Melayu Malaya) kerana dia menganggap Dr. Burhanuddin pemimpin yang baik dan sudah sejak lama dimuliakannya maka dengan penuh kejujuran orang itu akan diterimanya menjadi anggota tanpa perlu menyiasat latar belakangnya terlebih dahulu.

Dengan sifatnya yang sedemikian, memberi impak kepada dirinya seperti yang digambarkan oleh beliau lagi:⁴⁰

... kerana inilah maka ramai terdapat ‘musang-musang berbulu ayam’ memasuki PKMM – ada ‘musang-musang berbulu ayam dari parti lawan dan ada pula musang-musang berbulu ayam dari pihak cawangan khas pemerintah’. Melalui mereka inilah banyak ‘rahsia’ perjuangan PKMM khususnya dan badan-badan kiri yang lain amnya telah bochor.

Malah, tambah Ahmad Boestamam lagi yang mengabadikan kisah suka dukanya bersama Dr. Burhanuddin dalam buku yang sama itu menyifatkan yang tokoh nasionalis Melayu ini sebagai seorang pemimpin yang tidak angkuh dan tidak ‘besar kepala’. Sahabat baiknya itu telah memperakukan sifat dan perangai Dr. Burhanuddin seperti mana kenyataannya:⁴¹

...berlainan dari setengah-setengah pemimpin yang semakin besar mungkin sukar didampingi rakyat. Dr. Burhanuddin adalah sebaliknya. Dia mudah didatangi oleh sesiapa sahaja – dari yang setinggi-tinggi hingga yang serendah-rendahnya... bukan sekadar didatangi bahkan mendatangi pun dia demikian mudahnya. Jemputlah dia ke mana saja – tempat yang sekecil-kecilnya dan sejauh di pedalaman pula – dia pasti akan memenuhi jemputan itu kecualilah kalau dia uzur... tidak baik mengechiwakan harapan orang, demikian dia selalu memberitahu kami kawan-kawan seperjuangan.

Walaupun begitu, penulisan Ahmad Boestamam ini mempunyai sedikit perbezaan dengan dua buah buku yang dihasilkan oleh Kamaruddin Jaffar.⁴² Melalui penulisan Kamaruddin yang bertajuk ‘*Dr. Burhanuddin al-Helmy: Islam dan Kebangsaan Melayu*’⁴³ dan ‘*Burhanuddin al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*’⁴⁴, hanya menghimpunkan teks-teks ucapan dan hasil karya asli Dr. Burhanuddin semasa beliau mula mengenali dunia politik Melayu pada zaman British sehinggalah memimpin parti Islam, PAS. Karya-karya tokoh tersebut yang terdapat dalam buku Kamaruddin itu ialah “Perjuangan Kita”, “Falsafah Kebangsaan Melayu”, “Pidato di Kongres Partai Rakyat”,

“Agama dan Politik”, dan “Ucapan di Mesyuarat Agung PAS ke 12”. Perlu dinyatakan yang kedua-dua buku Kamaruddin tersebut mempunyai isi kandungan yang sama, tetapi tajuk bukunya berlainan bagi membezakan tahun buku itu diterbitkan. Tulisan Kamaruddin ini tidak mengkaji secara mendalam perjuangan dan pemikiran ‘Doktor Politik’ ini, tetapi berbeza dengan sebuah artikel yang turut ditulis oleh beliau bertajuk “Perjuangan dan Pemikiran Politik Dr. Burhanuddin al-Helmy”.⁴⁵ Seperti tulisan Ramlah, Saliha dan Ahmad Boestamam, Kamaruddin hanya menyentuh perjuangan dan pemikiran Dr. Burhanuddin dalam aspek yang sempit atau lebih kecil fokusnya. Begitu juga penulisan yang dilakukan oleh Mohd. Redzuan Othman, yang bertajuk “Dr. Burhanuddin al-Helmy (1911-1969)”⁴⁶ dan makalah yang dikarang oleh Mohamad Muzammil iaitu, “Dr. Burhanuddin al-Helmi: Kegiatan Nasionalisme Dan Politik Semasa Zaman Pendudukan Jepun, 1940-1945”⁴⁷ yang masih mengutarakan isu-isu yang sama. Misalnya, makalah Mohamad Muzammil dalam tajuk penulisannya itu hanya menumpukan perjuangan dan kegiatan Dr. Burhanuddin semasa zaman Perang Dunia Kedua sahaja dan tidak menyentuh isu-isu lain yang lebih mendalam. Walau bagaimanapun, penulis tersebut menginterpretasikan bahawa Dr. Burhanuddin mempunyai ‘niat tertentu’ dalam usaha berbaik-baik dengan pihak tentera Jepun; antaranya ialah bagi ‘menjaga maruah’ bangsa Melayu supaya tidak ditindas dan disiksa oleh penjajah dari negara terbit matahari itu, dan seterusnya memberi ‘bentuk latihan’ dalam pentadbiran supaya dapat mentadbir tanah air setelah diberi kemerdekaan oleh pemerintah Jepun kemudiannya. Hal ini bermaksud nasionalis Melayu ini amat berpandangan jauh dalam pentadbiran dan pemerintahan Tanah Melayu lebih-lebih lagi bercita-cita memerdekakan tanah air bersama-sama Indonesia, namun usahanya itu menemui jalan buntu kerana Sukarno tidak memberi kerjasama terhadapnya.⁴⁸

Kajian ilmiah yang dihasilkan oleh W. Mohd Azam bin Mohd Amin, yang bertajuk “Islam Dan Nasionalisme Mengikuti Fahaman Dr. Burhanuddin Al-Helmy”⁴⁹ bukanlah satu penulisan yang berbentuk penulisan sejarah kerana tulisannya itu mengandungi unsur-unsur penulisan agama. Tulisan akademiknya itu dipanjangkan menjadi sebuah buku apabila diterbitkan dengan tajuk, “Antara ‘asabiyyah Dan Nasionalisme: Menurut Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmy”, memungut isu-isu Islam dan nasionalisme Dr. Burhanuddin dengan hanya mengkhususkan konsep ‘*assabiyyah*’.⁵⁰ Walau bagaimanapun, pandangan W. Mohd Azam ini disanggah oleh Mohamad Muzammil kerana Dr. Burhanuddin dengan tegasnya menolak konsep ‘*assabiyyah*’ yang sempit.⁵¹ Bagi Dr. Burhanuddin, pengertian ‘kebangsaan’ sangat luas dan bangsa harus taat menjaga tanah air yang semestinya menjadi tuntutan dalam Islam. Oleh itu, menurut Mohamad Muzammil, penulisan W. Mohd Azam tidak menunjukkan perjuangan sebenar Dr. Burhanuddin dalam gerakan nasionalisme dalam arena politik tanah air yang turut memperjuangkan nasionalisme dan agama sungguhpun beliau berpendapat yang Dr. Burhanuddin adalah seorang pejuang Islam atau nasionalis Islam kerana menggunakan Islam sebagai salah satu ideologinya.

Selanjutnya, Mohamad Muzammil menyambung lagi kenyataannya bahawa nasionalis Melayu ini seorang pejuang Islam adalah disebabkan faktor penerimaan pendidikan asas dalam Islam yang kukuh telah mempengaruhi corak pemikiran dan perjuangan Dr. Burhanuddin dalam politik tanah air.⁵² Oleh yang demikian, beliau

meneruskan perjuangannya dalam parti-parti berasaskan Islam iaitu Hizbul Muslimin (HM) dan PAS, penglibatannya dalam membela nasib masyarakat Islam di Palestin dan kes Natrah di Singapura dalam tahun 1950 serta kecenderungannya dalam penulisan agama. Semangat kental yang menyelubungi dirinya walaupun beberapa kali dipenjarakan oleh pihak British di Palestin, Singapura dan Kerajaan Persekutuan, namun tidak pernah luntur perjuangannya.⁵³ Melalui parti politik, beliau memperjuangkan Islam sebagai satu ideologi bagi negara yang baharu merdeka dengan menggunakan sistem perundangan Islam yang dituntut oleh hukum syarak. Menurut pandangan Dr. Burhanuddin, selain agama Islam sebagai pegangan hidup, beliau turut memberi keyakinan bahawa agama itu juga merupakan satu bentuk ideologi politik bagi umatnya dan seterusnya dijadikan sebagai 'alat untuk mencapai semangat kebangsaan' dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Melalui buku beliau, *Falsafah Kebangsaan Melayu*, Dr. Burhanuddin membicarakan ideologi Islam sebagai perjuangan dan semangat kebangsaan secara mendalam yang merupakan satu teori perjuangannya membela nasib bangsa Melayu.⁵⁴ Antara perkara yang terkandung dalam penulisannya itu ialah bangsa harus mencintai tanah air; serta, untuk mencapai kesempurnaan kehidupan, semangat kebangsaan turut dititikberatkan dalam Islam. Namun begitu, Dr. Burhanuddin menegaskan bahawa bagi menjaga bangsa dan negara, harus menolak pengertian *asabiyyah* yang sempit dan haruslah memahami pengertian kebangsaan yang luas. Oleh itu, tuduhan dan pandangan W. Mohd Azam ini adalah tidak tepat dan boleh diketepikan.

Seterusnya penulisan yang dilakukan oleh Ismail bin Said, bertajuk "Parti Islam Sa-Malaysia: Kepimpinan Dan Perjuangan Dari Tahun 1951 Hingga 1970"⁵⁵ adalah satu penyelidikan di peringkat ijazah doktor falsafahnya. Tulisan Ismail tersebut adalah tentang tiga orang tokoh yang memimpin PAS, bermula dengan Ahmad Fuad Hassan yang memimpin PAS dari tahun 1951 hingga tahun 1953, Dr. Abbas Ilias (1953-1956) dan Dr. Burhanuddin sendiri sehingga tahun 1969 iaitu tahun beliau meninggal dunia. Jika melihat kepada penyelidikan yang dilakukannya, menunjukkan penulisan perbandingan di antara ketiga-tiga pemimpin PAS tersebut. Walaupun begitu, sebenarnya tidak menunjukkan perbezaan dan persamaan antara mereka kerana tulisan tersebut hanya membicarakan kesinambungan tiga tokoh tersebut dalam kepemimpinan PAS. Sebuah lagi hasil penulisan beliau yang berjudul, *Dr. Burhanuddin Al-Helmi Pejuang Melayu Sejati*⁵⁶ hanya menumpukan kepada tokoh tersebut semata-mata tanpa membandingkan dengan tokoh-tokoh politik dalam PAS sendiri ataupun pemimpin Melayu yang lain serta tidak membincangkan secara mendalam pemikiran 'Doktor Ugama' itu melalui politik, agama mahupun nasionalisme di samping tidak menemui sumber terbaharu. Melalui pandangan Ismail, beliau berpendapat bahawa Dr. Burhanuddin adalah pemimpin Melayu yang sejati atau tiada tolok bandingnya dengan pemimpin PAS yang lain.

Penulisan terbaharu dalam penyelidikan peringkat ijazah doktor falsafah berkenaan Dr. Burhanuddin telah dilakukan oleh Mohamad Muzammil melalui tesis Doktor Falsafahnya yang bertajuk, 'Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan'.⁵⁷ Tesis beliau itu bertujuan mengangkat kedua-dua tokoh ini sebagai ahli politik di Malaysia dan Indonesia sejak zaman penjajahan hinggalah kemerdekaan dicapai. Tesis Mohamad Muzammil tersebut telah membandingkan perjuangan dua orang tokoh nasionalisme dan politik daripada dua

negara serumpun iaitu Tanah Melayu (Malaysia) dan Indonesia dalam pelbagai lapangan termasuk kerjaya, penulisan, tahanan politik, layanan kerajaan dan sumbangan mereka. Penulisan ini agak berbeza daripada penulis lain sebelum ini yang tidak melakukan penulisan bercorak perbandingan. Beliau juga telah menemui sumber-sumber baharu dan dokumen persendirian daripada ahli keluarga dan sahabat handai kedua-dua tokoh tersebut yang memang tidak diletakkan dalam Arkib Negara Malaysia dan Arsip Nasional Indonesia. Hasil penyelidikan Mohamad Muzammil tersebut telah diterbitkan pada tahun 2013 dan diberi tajuk, *Burhanudin al-Helmi: Pemikiran dan Perjuangan*⁵⁸ dan *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Nastsir*. Melalui buku *Burhanudin al-Helmi: Pemikiran dan Perjuangan*, hanya nasionalis itu sahaja yang dibincangkan tanpa membandingkan peranan dan ketokohan Nastsir. Antara isu penemuan baharu yang diutarakan dalam penulisan Mohamad Muzammil yang dimuatkan dalam buku itu ialah peristiwa Dr. Burhanuddin dipenjarakan di Palestin bagi menentang penjajahan zionis, beliau dalam tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (I.S.A.), penglibatan beliau dalam rusuhan Natrah di Singapura serta pengamalan ilmu perubatan homeopati yang merupakan anak Melayu pertama menceburi dalam perubatan tersebut. Melalui buku beliau yang bertajuk *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Nastsir* pula, ia telah dihasilkan pada tahun 2015 apabila Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkannya. Tidak banyak perubahan isi kandungan dan perbincangan tentang kedua-dua tokoh ini seperti dalam tesisnya tetapi tidak disentuh tentang pemikiran perjuangan Dr. Burhanuddin dalam isu-isu pendidikan kerana isu ini akan ditumpu khusus dalam penulisan yang berasingan.

Seterusnya, penulisan Mohamad Muzammil tidak berhenti setakat itu sahaja apabila beliau melakukan penyelidikan melalui geran penyelidikan daripada Universiti Sains Malaysia bagi menyelidik dan menulis tentang tokoh tersebut dalam ilmu perubatan homeopati yang bertajuk, “Dr. Burhanuddin al-Helmi Dan Sejarah Perubatan Homeopati di Tanah Melayu” serta “Mengkaji Perkembangan Pengamalan Ilmu Perubatan Homeopati di Malaysia, 1930-1970”.⁵⁹ Penulisan ini adalah berkaitan dengan penglibatan beliau dalam perubatan homeopati dan lebih menumpukan faktor yang menyebabkan beliau berkecimpung dalam perubatan tersebut serta pembukaan kelas homeopati pertama di Tanah Melayu di Madrasah al-Ihya Asshariff di Gunung Semanggol, Kerian, Perak. Mohamad Muzammil memberi konklusinya bahawa Dr. Burhanuddin masih bimbang yang masyarakat Melayu amat mempercayai ilmu perubatan tradisional serta amalan karut yang seterusnya menyimpang dalam ajaran Islam, di samping perubatan moden yang dibawa oleh penjajah yang menerapkan bahan kimia dalam ubat-ubatan yang memberi kesan berpanjangan kepada kesihatan pesakit.⁶⁰ Melalui tulisan tersebut, masyarakat dapat mengetahui pelopor ilmu perubatan homeopati itu di Tanah Melayu sehingga mendapat jolokan ‘Pak Doktor’, ‘Doktor Politik’ dan ‘Bapa Homeopati Melayu’. Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa gelaran ‘Dr.’ pada gelaran namanya adalah kerana beliau berkelulusan Doktor Falsafah (Ph.D.) dari sebuah universiti di India serta lulusan ijazahnya dalam ilmu perubatan homeopati juga dari negara tersebut.⁶¹

Mohamad Muzammil menambah lagi pandangannya terhadap tokoh nasionalis Melayu itu, bahawa sungguhpun Dr. Burhanuddin adalah seorang pemikir Islam yang aktif semasa zaman kolonial, dalam masa yang sama kegiatan beliau sentiasa diperhatikan oleh pengikut dan musuh politik termasuk pihak British terutama semasa pengucapan awam dan ceramah politik di dalam rapat umum di kampung. Secara tidak langsung, Dr. Burhanuddin telah membuka mata masyarakat Melayu melalui tulisan-tulisan serta pidato-pidato yang berapi-api yang mengutuk dan mengkritik penjajah British, pengkhianat agama serta kerajaan pemerintah yang cuba memisahkan agama Islam dalam pentadbiran dan politik. Perjalanan beliau dalam kegiatan nasionalisme dan arena politik penuh liku dan ranjau termasuk pernah disumbatkan dalam tahanan penjara serta kegiatan nasionalismenya disekat dan dihalang kerana mengancam kedudukan pemerintah. Tegasnya, Dr. Burhanuddin adalah aktivis nasionalisme Melayu yang anti penjajah dan berjuang menuntut kemerdekaan tanah air melalui semangat kental bangsanya dan bukannya 'meminta simpati' daripada pihak penjajah. Idea-idea 'Melayu Raya' yang cuba ditegakkan oleh Burhanuddin, misalnya telah membangkitkan semangat nasionalisme pemimpin-pemimpin parti politik haluan kiri. Namun, cita-citanya yang berpandangan jauh untuk memerdekakan Tanah Melayu bersama-sama Indonesia selepas pendudukan Jepun tahun 1945 tidak tercapai kerana sikap tidak bersungguh-sungguh Sukarno mencapai kata sepakat dengan Dr. Burhanuddin serta pihak Jepun 'memerdekakan awal' Indonesia.⁶²

Kesimpulan

Dalam meneliti penulisan berkaitan Dr. Burhanuddin, didapati tidak ada dalam kalangan penulis lain yang menulis suka duka beliau dalam tahanan penjara dan pengalamannya dalam tahanan lokap termasuk di bumi Palestin kecuali tulisan yang dilakukan oleh Mohamad Muzammil dalam bukunya *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Nastsir*. Sebenarnya, banyak lagi sejarawan dan penulis lain yang boleh mengkaji dan menulis tentang kisah beliau seperti pandangannya berkenaan ideologi komunis, pengaruh dalam gerakan "Kaum Muda", asas pemikiran pendidikan yang mempengaruhi perjuangannya, kerjasama beliau dengan tentera Jepun serta pemikiran dan perjuangan beliau dalam pendidikan bangsa di tanah airnya. Namun begitu, hanya segelintir penulis seperti Ramlah Adam dan Kamaruddin Jaffar yang menyentuh sepintas lalu pandangan Dr. Burhanuddin tentang ideologi komunis tanpa mengkaji secara mendalam dan mempunyai tajuk yang khusus bagi menerangkannya. Malahan Ramlah menggelarkannya seorang nasionalis Melayu radikal yang sepatutnya ditangkap dan dibicarakan oleh pihak British. Sebenarnya rentetan perjalanan Dr. Burhanuddin dalam nasionalisme dan politik tanah air agak unik dan berbeza dengan nasionalis Melayu yang lain seperti Ahmad Boestamam, Ibrahim Haji Yaakob dan Ishak Haji Muhammad serta pejuang haluan kanan iaitu Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman mahupun Tun Abdul Razak Hussein. Perbezaannya mungkin dari segi idea pemikiran, pendidikan, layanan pihak British di Tanah Melayu dan taraf keluarga yang tergolong dalam golongan bangsawan seperti latar belakang keluarga Tunku Abdul Rahman itu sendiri.

Dalam penulisan Mohamad Muzammil misalnya, buah pemikiran Dr. Burhanuddin sentiasa relevan atau selari dengan perjuangan parti, malah seorang pemimpin parti yang progresif dan berani bertindak semasa zaman kolonial dan sehingga pada awal kemerdekaan negara tercapai. Oleh hal sedemikian, pemikiran dan perjuangannya sebagai nasionalis Melayu dan ahli politik zaman silam seharusnya mendapat perhatian daripada golongan akademik serta golongan ahli politik tanah air bagi membincang dan mengkaryakan perjuangan dan pemikiran tentang Dr. Burhanuddin walaupun mempunyai pandangan dan persepsi yang berbeza antara mereka. Mereka melakukan penyelidikan dan penulisan menggunakan kepelbagaian sumber sehingga menimbulkan perdebatan dan polemik dalam menghujahkan sumbangan pemikiran dan perjuangan Dr. Burhanuddin dalam bentuk penulisan; yang meliputi penulisan akademik mahupun penulisan untuk bacaan umum. Walaupun penulisan tentang beliau telah dilakukan hingga menimbulkan pandangan dan pendapat yang berbeza antara para sarjanawan, namun tidak dapat dinafikan bahawa nasionalis Melayu ini adalah salah seorang pejuang Melayu yang progresif yang terdapat dalam lipatan sejarah tanah air dalam menentang sebarang bentuk penjajahan dan berhasrat memerdekakan Tanah Melayu dengan membentuk sebuah negara yang berpaksikan Undang-undang Islam dan mengikut lunas-lunas al-Quran kepada bangsa Melayu.

Penghargaan

Makalah ini merupakan hasil kajian Geran Peruntukan Penyelidikan Pascasiswazah (Geran Khas Universiti Penyelidikan) Universiti Malaya 2006-2009: “Burhanuddin al-Helmi dan Mohd Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan” serta “Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Sejarah Perubatan Homeopati di Tanah Melayu”, penyelidikan Geran Insentif 2011/1286 dan “Mengkaji Perkembangan Pengamalan Ilmu Perubatan Homeopati di Malaysia, 1930-1970”, Geran Jangka Pendek 304/PJJAUH/6312071, Universiti Sains Malaysia, 2012/2014.

Nota

* **Dr. Mohamad Muzammil Mohamad Noor** (muzammil@usm.my) merupakan Pensyarah Kanan dari Bahagian Sejarah dan Pengajian Tamadun, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Bidang kepakaran beliau ialah sejarah pemikiran, sejarah perbandingan dan sejarah politik di Malaysia dan Indonesia.

¹ Rujuk, Mohamad Muzammil Mohamad Noor, *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Natsir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, dan Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, 'Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan', tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2011.

² Misalnya, Abd. Rauf bin Mohd. Jais, “Dr. Burhanuddin Suatu Kajian Tentang Perjuangan Dan Pemikiran Politiknya”, Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1976; Zamra binti Robi, “Dr. Burhanuddin al-Helmi: Riwayat Hidup Dan Sumbangannya Terhadap Tasawuf”, Jabatan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1994/1995; Che Asmah bte Che Dir, “Dr. Burhanuddin al-Helmi: Ketokohan Dan Kepimpinan Dalam Masyarakat Melayu”, Latihan Ilmiah Jabatan

Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997/1998; Radzuan bin Osman, "Dr. Burhanuddin al-Helmy Dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Dakwah Di Malaysia", Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000/2001; dan, Muhammad Asri bin Idris, "Pengaruh Pemikiran Politik Dr. Burhanuddin Al-Helmy Terhadap Pembentukan Dasar-dasar Parti Islam Se Malaysia (PAS)", Kertas Projek Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.

³ Menurut Saliha, "istilah 'Melayu Jati' ini popular di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua untuk membezakan keturunan Melayu tulen dengan keturunan Melayu yang berdarah kacukan Arab, India dan lain-lain." Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin Al-Helmi 1911-1969", dlm. Abdullah Zakaria Ghazali & Adnan Haji Nawang (Edit.), *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia, 1997, hlm. 20.

⁴ Temu bual dengan adiknya, Noorbait pada 6 September 2008 di Sentul, Kuala Lumpur.

⁵ Rujuk, Mohamad Muzammil Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin Al-Helmi and the History of Homeopathy Medication in Malaya", *23rd Conference of the International Association of Historians of Asia (IAHA 2014)*, Alor Setar, Kedah, 23 – 27 Ogos 2014, tidak diterbitkan; serta, Mohamad Muzammil Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin al-Helmi Dan Sejarah Perubatan Homeopati di Tanah Melayu", artikel penyelidikan *Geran Insentif 2011/2012* Universiti Sains Malaysia, tidak diterbitkan.

⁶ Rashidah Ismail, "Dr. Burhanuddin al-Helmy Anak Melayu Pertama Mempelajari Homeopati", dlm. *Dewan Masyarakatakat*. 15 Disember 1969.

⁷ *Berita Harian* pada 26 Oktober 1969 melaporkan beliau meninggal dunia sesudah waktu subuh iaitu pada jam 6.55 pagi pada 25 Oktober 1969. *The Sunday Times*, 26 Oktober 1969, dan *Harian Abadi*, 8 November 1969 turut membuat laporan kematian Dr. Burhanuddin. Tarikh berkenaan kematian Dr. Burhanuddin turut tercatat dalam *Surat Setiausaha Kerja PAS, Baharuddin Abdul Latiff, Kepada Setiausaha-setiausaha PAS Cawangan bertarikh 15 November 1969*, bertajuk "Beberapa Maklumat Dan Arahan Untuk Cawangan Dan Ranting", hlm. 1.

⁸ Laporan rasmi perubatan dalam *Surat Hospital Daerah Taiping, No. Rujukan M.O.Tpg.60/64/Pt.3(7)*, bertarikh 11 Mei 1967, dan *Surat Perakuan Kematian Dr. Burhanuddin bin Mohd Noor, Balai Polis Larut Matang, No. Daftar A 302835*, 25 Oktober 1969.

⁹ Lihat, Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 2.

¹¹ Teliti penulisannya iaitu, Dr. Burhanuddin, 'Hal tahanan', 1965 (tulisan tangan), sumbangan anaknya Ahmad Shukry Burhanuddin.

¹² Rujuk, Burhanuddin Al-Helmy (Edit. Saari Sungib), 2006. *Hari-hari Aku Dizalimi: Catatan Penahanan ISA*. Batu Caves: PAS Gombak & Penerangan PAS Gombak.

¹³ Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, 'Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan'.

¹⁴ Ramlah Adam, "Kebangsaan Melayu: Interpretasi Dr. Burhanuddin Al-Helmy Sebagai Ahli Parlimen, 1959-1963", dlm. Norazit Selat, et al., *Meniti Zaman: Masyarakat Melayu Antara Tradisi Moden*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1997.

¹⁵ Ramlah Adam, Dr., "Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Kajian Mengenai Kegiatannya Dalam PKMM 1946-1948", dlm. *Titian*, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Bil. 2, 1993.

¹⁶ Ramlah Adam, "Kepimpinan Melayu 1945-1957", dlm. *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur & Melaka: Penerbit Universiti Malaya, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka & Kerajaan Negeri Melaka, 1996, hlm. 233-266.

¹⁷ Rujuk tulisannya sendiri, Ahmad Boestamam, *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

¹⁸ Teliti tulisan-tulisan Ibrahim Haji Ya'kob, *Melihat Tanah Air*, Kota Bharu: Al-Islamiah Press., 1941; Ibrahim Yaacob (IBHY), *Nusa Dan Bangsa Melayu*, Djakarta: N.V. Alma'arif, 1951; Ibrahim Haji Yaacob, *Sekitar Malaya Merdeka*, Djakarta: Kesatuan Melayu Merdeka, 1957; dan, Ibrahim Haji Yaacob (Dr. Iskandar Kamel), *Melihat Tanah Air*, Kuantan: Percetakan Timur, 1975.

¹⁹ Lihat, Ishak Haji Muhammad, *Bersatulah Sekarang*, Johor Bahru: tidak dinyatakan penerbit, 1947.

²⁰ Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin al Helmi: A Political Biography", Graduation Exercise, History Department, University of Malaya, 1972.

- ²¹ Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin Al-Helmi 1911-1969", dlm. Abdullah Zakaria Ghazali & Adnan Haji Nawang (Edit.), hlm. 19-49.
- ²² Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi: Cita-cita Seorang Nasionalis Melayu", dlm. *Nadi Insan*, Oktober 1979.
- ²³ Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin al-Helmy: The Ideals of A Malay Nationalist", dlm. *Malaysia In History*, 17 Jun 1974.
- ²⁴ Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin Al-Helmi 1911-1969", hlm. 21.
- ²⁵ Saari Sungip, *5 Tokoh Gerakan Islam di Malaysia*, Gombak: PAS Gombak, tiada tahun.
- ²⁶ Abdullah Hussein, "Dr. Burhanuddin – Pelupur Kebangkitan Semangat Kebangsaan", dlm. *Dewan Masyarakat*, Jld. VII, Bil. II, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 15 November 1969.
- ²⁷ Amir Tan, "Almarhum Dr. Burhanuddin Nasionalis Yang Tak Mengenal Kalah", *Dewan Masyarakat*, Ogos 1975.
- ²⁸ Rashidah Ismail, "Dr. Burhanuddin al-Helmy Anak Melayu Pertama Mempelajari Homeopati".
- ²⁹ Badrul Munir, "Mengenang Kembali Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Tuduhan Palsu Kerajaan Perikatan", dlm. *Harakah*, 5 November 1999.
- ³⁰ Shukran Jamel Zain, "Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Perjuangan Terus Hidup", dlm. *Diskusi*. November/Disember 1979.
- ³¹ 'Nahu' merujuk kepada tatabahasa yang merupakan salah satu cabang linguistik yang berkaitan dengan sintaksis dan morfologi. Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, 'Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan', hlm. 60.
- ³² Lihat bukunya, Abdul Majid Salleh, *Memoir Abdul Majid Salleh Dalam PKMM dan Kesatuan Buruh*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 24.
- ³³ *Ibid.*, hlm. 25.
- ³⁴ Rujuk, Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, 'Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan', hlm. 61.
- ³⁵ Ahmad Boestamam, *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, 1972.
- ³⁶ Abdullah Hussein, "Dr. Burhanuddin – Pelupur Kebangkitan Semangat Kebangsaan".
- ³⁷ Mohamad Muzammil Mohamad Noor, *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Natsir*, hlm. 30.
- ³⁸ Ahmad Boestamam, *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*.
- ³⁹ Dalam tulisan Ahmad Boestamam itu, PKMM merujuk kepada Parti Kesatuan Melayu Malaya, tetapi sebenarnya mempunyai maksud yang sama dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya. *Ibid.*, hlm. 31.
- ⁴⁰ *Ibid.*
- ⁴¹ *Ibid.*, hlm. 37.
- ⁴² Nama Kamaruddin Jaafar turut dieja sebagai Kamarudin Jaffar.
- ⁴³ Kamaruddin Jaafar, *Dr. Burhanuddin al-Helmy: Islam dan Kebangsaan Melayu*, Kuala Lumpur Penerbitan: Yayasan Anda, 1980.
- ⁴⁴ Kamarudin Jaffar, *Burhanuddin al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Ikdas Sdn. Bhd., 2000.
- ⁴⁵ Kamaruddin Jaafar, "Perjuangan dan Pemikiran Dr. Burhanuddin al-Helmy", dlm. *Akademik*, Julai 1979.
- ⁴⁶ Mohd. Redzuan Othman, "Dr. Burhanuddin al-Helmy (1911-1969)", dlm. *Tamadun*, Kuala Lumpur: Penerbit Muttaqin, Januari 1998.
- ⁴⁷ Mohamad Muzammil Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin al-Helmi: Kegiatan Nasionalisme Dan Politik Semasa Zaman Pendudukan Jepun, 1940-1945", dlm. *Jurnal Sejarah*, No. 18, 2010, hlm. 111-122.
- ⁴⁸ Mohamad Muzammil Mohamad Noor, *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Natsir*, hlm. 167.
- ⁴⁹ Rujuk, W. Mohd Azam bin Mohd Amin, "Islam Dan Nasionalisme Mengikuti Dr. Burhanuddin Al-Helmy", Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Sesi 1985/1986.
- ⁵⁰ W. Mohd Azam bin Mohd Amin, *Antara 'asabiyyah Dan Nasionalisme: Menurut Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmy*, Kuala Lumpur: Kumpulan Penerbitan Baiduri, Jabatan Media, Universiti Malaya, 1997.
- ⁵¹ Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, 'Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan', hlm. 31-32.

⁵² Mohamad Muzammil Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin Al-Helmi: Kegiatan Politik-Agama", dlm. *Isu-isu Terpilih dalam Sejarah Alam Melayu Sumbangsih kepada Profesor Madya Dr. Hj. Ahmad Jelani Halimi*. Batu Pahat: Penerbit UTHM, 2011, hlm. 193-224.

⁵³ Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, 'Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan'.

⁵⁴ Prof. Dr. Burhanuddin Al-Helmy, *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu*, Djakarta: tidak dinyatakan penerbit, Djuli 1963.

⁵⁵ Ismail bin Said, "Parti Islam Sa-Malaysia: Kepimpinan Dan Perjuangan Dari Tahun 1951 Hingga 1970", tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, 2008.

⁵⁶ Ismail Said, *Dr. Burhanuddin Al-Helmi Pejuang Melayu Sejati*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2008.

⁵⁷ Lihat, Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, 'Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan'.

⁵⁸ Mohamad Muzammil Mohamad Noor, *Burhanuddin al-Helmi Pemikiran dan Perjuangan*, Bangi: Medium Publications, 2013.

⁵⁹ Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin al-Helmi Dan Sejarah Perubatan Homeopati di Tanah Melayu", artikel penyelidikan Geran Insentif 2011/1286 Universiti Sains Malaysia, tidak diterbitkan. Lihat juga, "Mengkaji Perkembangan Pengamalan Ilmu Perubatan Homeopati di Malaysia, 1930-1970", Geran Jangka Pendek 304/PJJAUH/6312071, Universiti Sains Malaysia, 2012/2014.

⁶⁰ *Ibid.*

⁶¹ Tulisan-tulisan Mohamad Muzammil lain berkenaan pemikiran dan perjuangan Dr. Burhanuddin adalah, "Dr. Burhanuddin Al-Helmi: Kegiatan Politik-Agama" dlm. *Isu-isu Terpilih dalam Sejarah Alam Melayu Sumbangsih kepada Profesor Madya Dr. Hj. Ahmad Jelani Halimi*, Batu Pahat: Penerbit UTHM, 2011; Dua Bangsa Serumpun: Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Mohammad Natsir - Perbandingan Pendidikan Yang Mencetus Perjuangan Dan Pemikiran", Seminar Internasional Malaysia-Indonesia Update 2008, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, anjuran Universitas Gadjah Mada – Universiti Malaya, Mei 2008; "Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir: Pemikiran Reformisme Islam Dan Fahaman Kaum Muda", Simposium Kebudayaan Indonesia Malaysia ke-IX, Universitas Padjadjaran, Bandung, 10-12 November 2009; "Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir Tentang Fahaman dan Kegiatan Komunis". 3rd International Conference on Southeast Asia 2009, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 8-9 Disember 2009; "Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Tuduhan dalam Komplot Anti Penubuhan Malaysia, 1963-1969" dlm. *Seminar Kebangsaan Pembentukan Malaysia*, 16-18 September 2011, Universiti Teknologi Malaysia Cawangan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah; , "Dr. Burhanuddin al-Helmi: Islam, Bangsa dan Kepimpinan", *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial UNIMAS 2011 – Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mapan*, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, 20-21 April 2011; 'Pemikiran Reformisme Islam di Dunia Melayu: Pengaruh Daripada Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir', *International Seminar: Current Research on the Malay World*, Universiti Brunei Darussalam-University of Frankfurt, 29-31 Mac 2013; serta, "Dr. Burhanuddin al-Helmi Dan Tuduhan Dalam Komplotan Anti Penubuhan Malaysia, 1963-1969" dlm. *Pasai: Jurnal Penelitian Ilmu-ilmu Sosial*, Vol. 7, No. 2, November. Lembaga Penelitian dan Pengabdian Masyarakat, Universitas Malikussalleh, Lhokseumawe, Aceh, Indonesia, 2013, hlm. 524-536.

⁶² Keterangan lanjut rujuk, Mohamad Muzammil Mohamad Noor, 'Pemikiran Reformisme Islam di Dunia Melayu: Pengaruh Daripada Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir'. *International Seminar: Current Research on the Malay World*, Universiti Brunei Darussalam-University of Frankfurt, 29-31 Mac 2013.

Bibliografi

- Abd. Rauf bin Mohd. Jais, “Dr. Burhanuddin Suatu Kajian Tentang Perjuangan Dan Pemikiran Politiknya”, Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1976.
- Abdullah Hussein, “Dr. Burhanuddin – Pelupur Kebangkitan Semangat Kebangsaan”, *Dewan Masyarakat*, Jld. VII, Bil. II, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 15 November 1969.
- Abdul Majid Salleh, *Memoir Abdul Majid Salleh Dalam PKMM dan Kesatuan Buruh*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Ahmad Boestamam, *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, 1972.
- Ahmad Boestamam, *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka dengan Darah dalam Api*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Amir Tan, “Almarhum Dr. Burhanuddin Nasionalis Yang Tak Mengenal Kalah”, *Dewan Masyarakat*, Ogos, 1975.
- Badrul Munir, “Mengenang Kembali Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Tuduhan Palsu Kerajaan Perikatan”, *Harakah*, 5 November, 1999.
- Berita Harian*, 26 Oktober 1969.
- Burhanuddin Al-Helmy, *Perjuangan Kita*, tidak dinyatakan penerbit, 1946.
- Burhanuddin Al-Helmy, *Agama dan Politik*, tidak dinyatakan penerbit, 1954.
- Burhanuddin Al-Helmy, Prof. Dr., *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu*, Djakarta: tidak dinyatakan penerbit, Djuli, 1963.
- Burhanuddin Al-Helmy, Professor Doktor, *Simposium Tasawwuf dan Tariqat*, Pulau Pinang: Maktabah Haji Abdullah bin Muhammad Nordin al-Rawi, (cet. Kedua), 1971.
- Burhanuddin al-Hulaimi, Doktor, *Falsafah Kebangsaan Melayu – Tak Melayu Hilang Di Dunia* [tulisan Jawi], Bukit Mertajam: Pustaka Semenanjung, tiada tahun penerbitan
- Burhanuddin, Doktor, *Sejarah (Perjuangan Kita)* [tulisan jawi], Penang; United Press, Datok Keramat Road, tiada tahun penerbitan
- Burhanuddin Al-Helmy (Edit. Saari Sungib), *Hari-hari Aku Dizalimi: Catatan Penahanan ISA*, Batu Caves: PAS Gombak & Penerangan PAS Gombak, 2006.
- Che Asmah bte Che Dir, “Dr. Burhanuddin al-Helmi: Ketokohan Dan Kepimpinan Dalam Masyarakat Melayu”, Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997/1998.
- Harian Abadi*, 8 November 1969.
- Ibrahim Haji Ya’kob, *Melihat Tanah Air*, Kota Bharu: Al-Islamiah Press, 1941.
- Ibrahim Yaacob (IBHY), *Nusa Dan Bangsa Melayu*, Djakarta: N.V. Alma’arif, 1951.
- Ibrahim Haji Yaakob, *Sekitar Malaya Merdeka*, Djakarta: Kesatuan Melaya Merdeka, 1957.
- Ibrahim Haji Yaacob (Dr. Iskandar Kamel), *Melihat Tanah Air*, Kuantan: Percetakan Timur, 1975.

- Ishak Haji Muhammad, *Bersatulah Sekarang*, Johor Bahru: tidak dinyatakan penerbit, 1947.
- Ismail bin Said, 2008, "Parti Islam Sa-Malaysia: Kepimpinan Dan Perjuangan Dari Tahun 1951 Hingga 1970", tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Ismail Said, *Dr. Burhanuddin Al-Helmi Pejuang Melayu Sejati*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 2008.
- Kamaruddin Jaafar, "Perjuangan dan Pemikiran Dr. Burhanuddin al-Helmy", *Akademik*, Julai 1979.
- Kamaruddin Jaafar, *Dr. Burhanuddin al-Helmy: Islam dan Kebangsaan Melayu*, Kuala Lumpur Penerbitan: Yayasan Anda, 1980.
- Kamarudin Jaffar, *Burhanuddin al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Ikdas Sdn. Bhd., 2000.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, "Dua Bangsa Serumpun: Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Mohammad Natsir - Perbandingan Pendidikan Yang Mencetus Perjuangan Dan Pemikiran", Seminar Internasional Malaysia-Indonesia Update 2008, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, anjuran Universitas Gadjah Mada – Universiti Malaya, Mei 2008.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir: Pemikiran Reformisme Islam Dan Fahaman Kaum Muda", Simposium Kebudayaan Indonesia Malaysia ke-IX, Universitas Padjadjaran, Bandung, 10-12 November 2009.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, "Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Bapak Mohammad Natsir Tentang Fahaman dan Kegiatan Komunis", 3rd International Conference on Southeast Asia 2009, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 8-9 Disember 2009.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin al-Helmi: Kegiatan Nasionalisme Dan Politik Semasa Zaman Pendudukan Jepun, 1940-1945", *Jurnal Sejarah*, No. 18, 2010.
- Mohamad Muzammil bin Mohamad Noor, "Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir: Perbandingan Pemikiran dan Perjuangan", tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2011.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin Al-Helmi: Kegiatan Politik-Agama", *Isu-isu Terpilih dalam Sejarah Alam Melayu Sumbangsih kepada Profesor Madya Dr. Hj. Ahmad Jelani Halimi*, Batu Pahat: Penerbit UTHM, 2011.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Tuduhan dalam Komplot Anti Penubuhan Malaysia, 1963-1969", Seminar Kebangsaan Pembentukan Malaysia, 16-18 September 2011, Universiti Teknologi Malaysia Cawangan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Sejarah Perubatan Homeopati di Tanah Melayu", artikel penyelidikan Geran Insentif 2011/2012 Universiti Sains Malaysia, tidak diterbitkan.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, *Burhanuddin al-Helmi Pemikiran dan Perjuangan*, Bangi: Medium Publications, 2013.

- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, 'Pemikiran Reformisme Islam di Dunia Melayu: Pengaruh Daripada Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Muhammad Natsir', International Seminar: Current Research on the Malay World, Universiti Brunei Darussalam-University of Frankfurt, 29-31 Mac 2013.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin al-Helmi Dan Tuduhan Dalam Komplotan Anti Penubuhan Malaysia, 1963-1969", *Pasai: Jurnal Penelitian Ilmu-ilmu Sosial, Vol. 7, No. 2*, November 2013. Lembaga Penelitian dan Pengabdian Masyarakat, Universitas Malikussalleh, Lhokseumawe, Aceh, Indonesia.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, "Dr. Burhanuddin Al-Helmi and the History of Homeopathy Medication in Malaya", 23rd Conference of the International Association of Historians of Asia (IAHA 2014), Alor Setar, Kedah, 23 – 27 Ogos 2014, tidak diterbitkan.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor, *Pemikiran Politik Islam: Perbandingan Antara Pemikiran Dr. Burhanuddin dan Muhammad Nastsir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Mohd. Redzuan Othman, "Dr. Burhanuddin al-Helmy (1911-1969)", *Tamadun*, Kuala Lumpur: Penerbit Muttaqin, Januari 1998.
- Muhammad Asri bin Idris, "Pengaruh Pemikiran Politik Dr. Burhanuddin Al-Helmy Terhadap Pembentukan Dasar-dasar Parti Islam Se Malaysia (PAS)", Kertas Projek Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya. 2001.
- Radzuan bin Osman, "Dr. Burhanuddin al-Helmy Dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Dakwah Di Malaysia", Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000/2001.
- Ramlah Adam, Dr., "Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Kajian Mengenai Kegiatannya Dalam PKMM 1946-1948", *Titian*, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Bil. 2, 1993.
- Ramlah Adam, "Kepimpinan Melayu 1945-1957", *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur & Melaka: Penerbit Universiti Malaya, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka & Kerajaan Negeri Melaka, 1996.
- Ramlah Adam, "Kebangsaan Melayu: Interpretasi Dr. Burhanuddin Al-Helmy Sebagai Ahli Parlimen, 1959-1963", Norazit Selat, et al., *Meniti Zaman: Masyarakat Melayu Antara Tradisi Moden*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1997.
- Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Ramlah Adam, *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Rashidah Ismail, "Dr. Burhanuddin al-Helmy Anak Melayu Pertama Mempelajari Homeopati", *Dewan Masharakat*. 15 Disember 1969.
- Saari Sungip, *5 Tokoh Gerakan Islam di Malaysia*, Gombak: PAS Gombak, tiada tahun.
- Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin al Helmi: A Political Biography", Graduation Exercise, History Department, University of Malaya, 1972.

- Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin al-Helmy: The Ideals of A Malay Nationalist", *Malaysia In History*, 17 Jun 1974.
- Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi: Cita-cita Seorang Nasionalis Melayu", *Nadi Insan*, Oktober 1979.
- Saliha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin Al-Helmi 1911-1969", Abdullah Zakaria Ghazali & Adnan Haji Nawang (Edit.), *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia. 1997.
- Shukran Jamel Zain, "Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Perjuangan Terus Hidup", *Diskusi*. November/Disember 1979.
- Surat Setiausaha Kerja PAS, Baharuddin Abdul Latiff, Kepada Setiausaha-setiausaha PAS Cawangan bertarikh 15 November 1969*, bertajuk "Beberapa Maklumat Dan Arahan Untuk Cawangan Dan Ranting".
- Surat Hospital Daerah Taiping, No. Rujukan M.O.Tpg.60/64/Pt.3(7)*, bertarikh 11 Mei 1967.
- Surat Perakuan Kematian Dr. Burhanuddin bin Mohd Noor, Balai Polis Larut Matang, No. Daftar A 302835*, 25 Oktober 1969.
- Temu bual Noorbait Haji Muhammad Nor pada 6 September 2008 di Sentul, Kuala Lumpur.
- W. Mohd Azam bin Mohd Amin, "Islam Dan Nasionalisme Mengikuti Dr. Burhanuddin Al-Helmy", Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Sesi 1985/1986.
- W. Mohd Azam bin Mohd Amin, *Antara 'asabiyyah Dan Nasionalisme: Menurut Pandangan Dr. Burhanuddin al-Helmy*. Kuala Lumpur: Kumpulan Penerbitan Baiduri, Jabatan Media, Universiti Malaya, 1997.
- Zamra binti Robi, "Dr. Burhanuddin al-Helmi: Riwayat Hidup Dan Sumbangannya Terhadap Tasawuf", Jabatan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1994/1995.